



Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri

Penulis merupakan anak jati Terengganu dan merupakan graduan dalam bidang Syariah dari Universiti Islam Madinah. Sewaktu berada di sana, beliau berpeluang bertalaq dengan beberapa ulama besar Madinah. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana (Master) di Syria di samping bertalaq dengan ulama di sana. Selain itu, Dr. Zulkifli juga mempunyai Ph.D daripada Universiti Sains Malaysia.

Dr. Zulkifli pernah bertugas sebagai Pensyarah Kanan Fakulti Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta Ahli Jawatankuasa Fatwa Terengganu dan Negeri Sembilan.

Beliau aktif dalam penulisan dan penterjemahan antaranya Syarah Kitab Hikam, A-Z Tasawuf, Hadith Modal Insan, Terjemahan Al-Fiqh Al-Manhaji serta beberapa buku panduan hasil penerbitan Bank Muamalat Malaysia Berhad seperti Fatwa Zakat Kontemporari.

Beliau juga dinobatkan sebagai Tokoh Maulidur Rasul 1433H sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Wilayah Persekutuan.

Diterbitkan oleh:



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, Kuala Lumpur.

Talian Bebas Tol: **1-300-88-8787** Laman web: www.muamalat.com.my

WAKAF DALAM ISLAM



Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Alu-aluan	1
Mukadimah	2
Pengenalan Perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat	4
Bab Pertama: Pengertian Wakaf	5
Bab Kedua: Hukum Mewakafkan Harta	7
Bab Ketiga: Dalil Persyariatan Wakaf	9
Bab Keempat: Hikmah Mewakafkan Harta dan Syarat Sah Wakaf	13
Bab Kelima: Amalan Wakaf Umat Islam	15
Bab Keenam: Jenis Wakaf dan Galakan Berwakaf	19
Bab Ketujuh: Wakaf <i>Istibdal</i>	25
Bab Kelapan: Pelbagai Permasalahan Hukum	33
Penutup	35
Bibliografi	38



KATA ALU-ALUAN

Ketua Pegawai Esekutif
Bank Muamalat Malaysia Berhad

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam yang sentiasa Maha Pemurah dan Maha Penyayang terhadap makhluk-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, sahabat-sahabat baginda serta mereka yang sentiasa mengikuti dan memperjuangkan sunnahnya.

Pertamanya, saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat melancarkan buku ini yang bertajuk **Wakaf Dalam Islam karya Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri** yang juga salah seorang Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Ironinya, pelancaran ini seiring dengan hasrat Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk melancarkan produk berkenaan dengan wakaf dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor.

Kami berasa terpanggil untuk mengemukakan produk ini bagi menyuburkan lagi perkembangan ekonomi umat Islam dan menyelesaikan banyak kemelut kewangan yang sentiasa melingkari masyarakat Islam. Begitu juga ia merupakan jalan menuju *mardhatillah* dengan cara yang mudah.

Harapan kami agar buku ini sedikit sebanyak menjadi celik minda dikalangan masayarakat Islam di Malaysia untuk memahami wakaf dan sistemnya mengikut syariat Islam yang akhirnya menjadikan mereka termasuk dalam golongan yang berwakaf.

Semoga usaha seperti ini membawa hasil dan mendapat keredaan Allah SWT. Begitu juga akan menyemarakkan lagi kemajuan dan syiar Islam di bumi Malaysia yang bertuah ini.

Sekalung tahniah saya ucapan kepada yang terbabit khususnya Jabatan Syariah Bank Muamalat sehingga terhasilnya buku ini.

Sekian.

Ikhlas,
Dato' Hj. Mohd Redza Shah Abdul Wahid
5 Julai 2012

MUKADIMAH

Wakaf adalah antara salah satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Wakaf melambangkan kesucian iman pewakaf, kecenderungan seseorang itu ke arah kebaikan, kesungguhannya menjaga kebijakan dan kasih sayangnya terhadap umat Islam. Umat Islam telah menampilkan contoh teladan yang agung sejak zaman Nabi SAW.

Mereka telah mewakafkan harta mereka yang tidak terhingga. Mereka menyerahkan tanah, bangunan, pergi, perpustakaan dan senjata sama ada untuk saudara mara, fakir miskin, para mujahidin, ulama dan sebagainya. Tiada suatu sudut ruangan hidup ini yang tidak menerima bantuan wakaf. Tiada satu pun keperluan manusia yang tidak dibantu oleh harta ini.

Sekilas pandang terhadap dunia Islam, dipamerkan kepada kita betapa banyaknya harta wakaf dankekayaan yang di wakafkan ke jalan Allah SWT. Tidak kira sama ada rakyat, pemerintah, panglima tentera, usahawan, lelaki maupun wanita, jumlah wakaf yang terhimpun di dalam negara Islam mencapai angka ratusan juta. Sehinggakan setiap rantau terpaksa menubuahkan kementerian khusus bagi memelihara harta wakaf ini.

Terdapat ribuan keluarga yang ditanggung oleh harta wakaf ini. Terdapat juga pelbagai kemudahan dan keperluan rakyat yang hidup dan berkembang melalui harta wakaf. Semoga Allah SWT membala kebaikan orang-orang yang baik dan mendapat ganjaran dari-Nya.

Malangnya, mutakhir ini semangat wakaf di kalangan umat Islam mula berkurangan. Umat Islam mula kedekut untuk mengeluarkan sedekah jariah ini. Fenomena yang menyedihkan ini menunjukkan betapa keinginan untuk mencapai ganjaran dari Allah SWT mula berkurangan.

Ita juga menunjukkan bahawa keimanan kepada akhirat mula luntur dan manusia mulai tamak dengan arus permodenan dan kemewahan dunia.

Ita juga menunjukkan bahawa manusia mula alpa dengan dunia yang fana dan lebih mengutamakannya berbanding akhirat yang kekal abadi. Benarlah firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Tetapi kebanyakannya kamu tidak melakukan yang demikian), bahkan kamu utamakan kehidupan dunia.”

(Surah Al-A'la: 16)

Seolah-olah kita tidak pernah mendengar firman Allah SWT yang bermaksud:

"Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal."

(Surah al-A'la: 17)

Bertitik tolak dari sinilah, penulis mengemukakan sebuah buku yang bertajuk **Wakaf Dalam Islam** sempena dengan hasrat Bank Muamalat yang ingin menubuhkan produk wakaf pada tahun ini. Kami merasa terpanggil untuk sama-sama menyumbang khususnya kefahaman Islam dan syariat berkenaan dengan permasalahan wakaf mengikut neraca yang sebenar.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang terlibat untuk menerbitkan buku ini khususnya Bank Muamalat.

Sekian.

Akhukum fillah,

Dr. Zulkili bin Mohamad Al-Bakri

PENGENALAN PERKHIDMATAN WAKAF SELANGOR MUAMALAT

Institusi wakaf dewasa ini kian mendapat perhatian masyarakat bertitik tolak daripada kesedaran awam tentang kepentingan dan peranan wakaf dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi ummah.

Bertitik tolak daripada kesedaran tersebut, **Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)** telah memacu setapak kehadapan untuk turut serta memperkembangkan aplikasi wakaf dalam institusi kewangan Islam dengan memperkenalkan perkhidmatan berkaitan aplikasi wakaf yang dinamakan sebagai **Wakaf Selangor Muamalat**.

Objektif Pengenalan Perkhidmatan

- **Wakaf Selangor Muamalat** sangat mudah dan memberi peluang kepada orang ramai yang ingin menunaikan tanggungjawab berwakaf, juga kepada orang bukan Islam yang ingin memberikan sumbangan, tetapi tidak berkemampuan untuk berwakaf, dengan menggunakan harta tetapi memadai berwakaf dengan hanya **RM2**; dan
- Hasil kutipan wakaf ini akan disalurkan kepada pembangunan khususnya **pendidikan, kesihatan, pelaburan**, bertujuan untuk membantu pembangunan institusi pendidikan dan kesihatan di Malaysia sebagai pusat perkembangan ilmu, disamping membantu mengurangkan bebanan rakyat yang tidak mampu untuk menanggung bebanan kos perubatan dan pendidikan yang semakin meningkat.

Oleh itu, hasrat Bank Muamalat untuk membawa konsep Wakaf kepada satu tahap yang baru, dengan menyediakan peluang kepada masyarakat awam untuk menyumbang kembali kepada manfaat awam, disamping menuai pahala daripada amalan wakaf, yang menjanji ganjaran pahala yang berkekalan.

BAB PERTAMA

PENGERTIAN WAKAF

Wakaf pada bahasa bererti menahan dari dijual beli dan lain-lain (*al-Habsu 'an al-Tasarruf*). Perkataan wakaf, *tahbis* dan *tasbil* adalah satu makna sahaja. Dengan makna itu, di kebanyakan negara Arab Kementerian Hal Ehwal Wakaf disebut *Wizarah al-Awqaf*. Hanya negara Maghribi sahaja dipanggil *Wizarah al-Ahbas*.

Dalam kitab *At-Ta'rifat* oleh al-Jurjani, wakaf ialah menahan harta dari menjadi milik pewakaf dan bersedekah dengan manfaat dan hasilnya.

Menurut kitab *Nail Awtar*, wakaf dari segi syarak bermaksud menahan harta itu pada jalan Allah SWT untuk diberi mafaatnya kepada golongan fakir dan musafir dengan mengekalkan ainnya (asal) sebagai pemilik pemberi wakaf. Para fuqaha telah bersepakat memberi takrifan wakaf berdasarkan istilah bahasa dengan “*al-Habs*” bererti menahan kerana ia lebih hampir kepada pergertian syarak.

Ini adalah berdasarkan kepada hadith dari Umar yang telah di riwayatkan oleh Imam Syafie yang bermaksud: “*Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah jalan Allah akan buahnya (hasilnya).*¹

Syed Uthman al-Habsyi menekankan pengertian wakaf yang paling jelas seperti yang diterangkan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya yang bermaksud: “*Bahawa Saidina Umar RA pernah berkata: Wahai Rasulullah! Saya telah memperoleh harta yang tidak pernah saya perolehi seumpamanya (sebelum ini) dan saya ingin menghampiri Allah SWT menerusinya, lalu dijawab oleh Rasulullah SAW: Wakafkan harta asal itu dan sedekahkan hasilnya, lalu Saidina Umar RA menjadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual beli, diberi dan diwarisi.*”

¹ Majalah al-Fikrah, Prof. Dr. Muhammad Naron dan Ahmad Dahlan Soleh. April 2007. Istibdal (Penggantian). Harta Wakaf Menurut Perspektif Islam, hal. 32.

Definisi Wakaf Pada Syarak

Wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebaikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan, serta terhalang daripada boleh digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan dan dimanfaatkan itu dengan harapan ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT.

- **Mazhab Hanafi:**

Wakaf ialah menahan sesuatu aset atau harta yang sah pemilik pewakaf dan bersedekah manfaatnya ke jalan kebaikan.

- **Jumhur Ulama:**

Pendapat dua sahabat Abu Hanifah serta difatwakan di dalam mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali: Wakaf ialah menahan barang serta harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya dengan memutuskan guna pakai ke atas asset itu dari pihak pewakaf atau lainnya ke arah kegunaan yang harus atau diguna pakai penghasilannya ke arah kebaikan dan kebaikan kerana mendampingkan diri kepada Allah SWT.

- **Mazhab Maliki:**

Pemilik menjadikan manfaat yang dimilikinya sekalipun dimiliki dengan menyewa ataupun dijadikan penghasilan seumpama wang kepada yang memerlukan dengan jalan berlafaz untuk jangka masa yang ditetapkan oleh pewakaf. Dengan itu, wakaf di sisi mazhab Maliki ialah tidak memutuskan hak pemiliknya pada asset yang diwakafkan, hanya memutuskan hak guna pakai sahaja.

BAB KEDUA

HUKUM MEWAKAFAKAN HARTA

Wakaf di sisi jumhur ulama selain dari mazhab Hanafi hukumnya sunat yang digalakkan. Ianya terjumlah dari amalan pemberian sedekah yang digalakkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebijakan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai.”

(Surah ali-Imran: 92)

Al-Mawardi dalam *al-Nukat wa al-Uyun* berkata: Berkenaan dengan perkataan *bir* ini, ia terbahagi kepada tiga pendapat:

- Pahala di sisi Allah;
- Perbuatan baik yang melayakkan pahala; dan
- Syurga; inilah pendapat al-Suddi.

Sedangkan perkataan *hingga kamu berinfaq* juga ada tiga pendapat:

- Sedekah yang wajib. Inilah pendapat al-Hasan;
- Sedekah yang wajib dan sunat. Inilah pendapat Ibn Umar; dan
- Semua kebaikan daripada sedekah dan lainnya.

Mengikut riwayat ‘Amru bin Dinar, ketika turunnya ayat ini, telah datang Zaid bin Harithah menunggang kudanya yang diberi nama Sabal kepada Rasulullah SAW, lalu berkata: “*Sedekahlah kuda ini wahai Rasulullah.*” Kemudian Baginda SAW memberi kepada anaknya Usamah, lantas Zaid berkata: “*Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku mahu bersedekah dengannya.*” Kemudian Baginda SAW menjawab: “*Sesungguhnya telah diterima sedekah kamu.*”

Dan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”

(Surah al-Baqarah: 267)

Ayat-ayat ini pada umumnya memberi mesej tentang menghulurkan harta benda ke jalan kebaikan dan kebaikan, manakala mewakafkan harta ialah menghulurkan harta benda ke jalan kebaikan. Hadis Rasulullah SAW mengenai Saidina Umar yang terdahulu menyatakan:

“Sekiranya engkau mahu, maka engkau wakafkan asetnya dan bersedekah hasilnya.”

BAB KETIGA

DALIL PENSYARIATAN WAKAF

Wakaf adalah suatu amalan yang telah disyariatkan, bahkan ia merupakan salah satu cara mendekatkan diri kepada Allah. Amalan ini sangat digalakkan oleh syarak. Al-Quran dan al-Sunnah telah menyebut dalil-dalil yang membenar amalan ini.

Pertama: Daripada al-Quran

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya.”
(Surah ali-Imran: 92)

Apabila Abu Talhah mendengar ayat ini, beliau pun teringin untuk mewakafkan hartanya, lalu beliau datang dan meminta penjelasan lanjut daripada Nabi SAW.

Anas RA berkata: Ketika turunnya ayat ini, Abu Talhah pun datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: *“Wahai Rasulullah, Allah SWT telah berfirman di dalam kitab-Nya - sebagaimana ayat yang dinyatakan.”*

“Bagiku, hartaku yang paling aku kasih adalah di Bairaha.” Kata perawi: Ia merupakan sebuah kebun yang sering diziarahi Rasulullah SAW, Baginda sering berteduh dan minum airnya, maka ini adalah hak Allah SWT dan Rasulullah SAW. Aku memohon semoga beroleh kebaikan dan ganjarannya. Lalu Rasulullah SAW bersabda: *“Alangkah bagus wahai Abu Talhah, tetapi harta itu amat berharga. Kami menerima pemberianmu tetapi kami serahkan semula kepada kamu. Berilah kepada kaum kerabatmu.”* Lalu Abu Talhah pun sedekahkan harta tersebut kepada keluarganya. Kata perawi: Antara mereka ialah Ubay dan Hassan.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah supaya Aku khabarkan kepada kamu yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertakwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan, isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah SWT. Dan (ingatlah), Allah SWT sentiasa melihat akan hamba-hamba-Nya.”

(Surah ali-Imran: 15)

Kedua: Daripada al-Sunnah

Melalui sunnah pula, terdapat beberapa hadith, antaranya:

- Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Apabila seseorang manusia mati segala amalannya akan terputus kecuali daripada tiga sumber: Sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan atau anak soleh yang sering mendoakannya.”*

Sedekah jariah di sini menurut ulama ditakrifkan sebagai wakaf. Anak yang soleh pula adalah anak yang melaksanakan hak-hak Allah dan menjaga hak-hak manusia lain.

- Ibn Umar R.Anhuma berkata: Umar Ibn al-Khattab menerima sebidang tanah di Khaibar lalu beliau menemui Nabi SAW dan bertanya apa yang sepatutnya dilakukan dengan harta itu. Beliau bertanya: *Wahai Rasulullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar. Aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang patut aku lakukan dengannya?* Baginda menjawab: *Sekiranya muahu, engkau wakafkanlah ia dan sedekahkan hasilnya.* Ibn Umar R.Anhuma berkata lagi: *Lalu Umar sedekahkan tanah ini sambil berkata: Ini sama sekali tidak akan dijual atau dihadiahkan atau diwariskan.*

Hasilnya akan disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba-hamba, orang yang berada di jalan Allah, *Ibn Sabil* dan tetamu. Tidak salah bagi penjaga tanah tersebut memakan hasilnya ataupun memberi makan orang lain tanpa menyimpan harta. Ibn Sirin berkata: Iaitu tidak membolot harta.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa tindakan Umar RA ini merupakan wakaf yang dibolehkan di dalam Islam.

Ketiga: Ijmak Ulama

Para ulama telah bersepakat berkenaan pensyariatan wakaf. Penulis menukilkan disini beberapa ijmak yang telah dinukilkhan daripada kitab *Mausu'ah al-Ijma'*, antaranya:

- Perlaksanaan wakaf adalah harus dengan ijmak sahabat dan ahli ilmu;
- Jika sekiranya wakaf dimaklumi pada awal dan kesudahannya tanpa terputus, maka ia wakaf yang sahingga tanpa khilaf;
- Jika seseorang berkata: Aku wakafkan sesuatu ini kepada seseorang yang tertentu selama setahun kemudian kepada fakir miskin, maka sah wakafannya dengan sepakat ulama;
- Mewakafkan tanah untuk membina masjid adalah harus dengan ijmak umat Islam;
- Para ulama sepakat harus mewakafkan tanah untuk dijadikan kubur;
- Wakaf bagi minuman seperti telaga adalah sah dengan ijmak umat Islam; dan
- Wakaf untuk rumah api (tempat ibadat bukan Islam), gereja, biara, kitab Taurat, Injil, permaidani untuk gereja dan biara tidak harus bagi umat Islam.

BAB KEEMPAT

HIKMAH MEWAKAFFKAN HARTA DAN SYARAT SAH WAKAF

Adapun hikmah mewakafkan harta itu, antaranya ialah:

Pertama: Hikmah mewakafkan harta ialah untuk berbuat baik kepada orang-orang yang dikasihi di dunia dan mencapai pahala di akhirat dengan niat daripada ahlinya (*ahli al-Thawab*).

Kedua: Membuka pintu mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan cara mengalirkan harta di jalan Allah. Sebagai balasan, pewakaf mendapat ganjaran dan pahala. Tiada amalan yang paling disukai oleh seorang Mukmin selain amalan yang boleh mendekatkan dirinya dengan Allah dan menjadikan dirinya semakin dikasihi oleh Allah SWT.

Ketiga: Amalan ini menjadikan impian seseorang Mukmin tercapai. Ini kerana dengan amalan wakaf, seseorang berpeluang menzahirkan pengabdianya serta cintanya kepada Allah SWT. Sesungguhnya perasaan cintakan Allah SWT hanya dapat dizahirkan melalui amalan dan pelaksanaan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya.”*

(Surah ali-Imran: 92)

Keempat: Wakaf juga dapat menuai impiannya untuk melihat kebijikan dan pahalanya sentiasa berterusan, sekalipun selepas kematiannya dan ganjaran pahala sentiasa diperolehinya ketika di dalam kubur, sekalipun telah terputus amalannya di dunia. Dan tiada yang tinggal melainkan apa yang telah diperuntukkan dan diwakafkannya pada jalan Allah SWT semasa hidupnya, anak yang soleh yang mendoakannya atau ilmu yang boleh dimanfaatkan.

Kelima: Akan tercapainya banyak kebijikan agama. Sekiranya harta-harta wakaf ini diuruskan dengan baik, ia boleh memberi kesan yang besar dan faedah yang banyak untuk mencapai maslahah dan kepentingan masyarakat Islam, seperti membina masjid,

sekolah, menghidupkan ilmu dan syiar-syiar Islam, seperti azan, kepimpinan Islam dan sebagainya.

Keenam: Wakaf dapat memenuhi keperluan fakir miskin, anak-anak yatim dan Ibn Sabil yang tidak dapat mencari rezeki kerana keadaan tertentu. Harta-harta wakaf ini boleh memenuhi keperluan dan menenangkan perasaan mereka.

Syarat-syarat Sah Wakaf

Pertama: Harta atau aset yang diwakafkan itu adalah benda yang boleh ditentukan (*ta'yin*) dan boleh dimanfaatkan serta kekal zatnya. Juga harta atau aset itu hak milik pewakaf.

Kedua: Hendaklah diwakafkan untuk pihak-pihak yang boleh didapati selama-lamanya seperti fuqara orang yang miskin atau masjid-masjid.

Ketiga: Wakaf itu bukan untuk perkara larangan syarak.

Keempat: Hendaklah dijelaskan hala tuju wakaf (*mauquf 'alaih*).

Kelima: Wakaf itu hendaklah terlaksana serta-merta (tanpa *ta'llik* atau gantungan).

Keenam: Beriltizam atau berkuat kuasa (tanpa berdolak dalik). Ertinya tidak ada rasa *khiyar* bagi diri pewakaf untuk mengekalkan wakafnya atau tidak ingin merujuk semula daripada apa yang telah diwakafkan itu.

BAB KELIMA

AMALAN WAKAF UMAT ISLAM

Sebenarnya dalam sejarah Islam, wakaf telah muncul pada zaman Baginda SAW. Ulama telah khilaf siapakah yang pertama melaksanakan pensyariatan wakaf kepada dua pendapat:

Pertama: Rasulullah SAW, di mana Baginda mewakafkan tanah miliknya untuk dibina masjid. Seterusnya, Baginda juga pada tahun ke-3 hijrah, mewakafkan tujuh kebun kurma di Madinah antaranya ‘Araf, Syafiah, Dalal, Barqah dan lain-lain.

Kedua: Umar Ibn al-Khattab, hal ini berdasarkan riwayat daripada Umar bin Sa’ad bin Muaz bertanya: Siapakah mula-mula wakaf dalam Islam?

“Golongan Muhajirin berpendapat wakaf Umar RA, sedangkan golongan Ansar berpendapat wakafan Rasulullah SAW.”

(lihat al-Syaukani 129)

Amalan wakaf telah menjadi budaya di kalangan para sahabat sehingga Jabir RA pernah berkata: Tidak ada seorangpun di kalangan sahabat yang berkemampuan, tetapi tidak mewakafkan hartanya.

Imam al-Syafie Rahimahullah berkata: *“Aku mendapat tahu bahawa lapan puluh orang sahabat di kalangan Ansar telah melakukan sedekah muhramat. Imam al-Syafie menggunakan istilah sedekah muhramat untuk wakaf.”*

Penulis menukilkan di sini wakafan sahabat, antaranya:

- Umar al-Khattab RA telah mewakafkan tanah di Khaibar iaitu hasilnya;
- Abu Talhah RA mewakafkan kebun kesayangannya iaitu ‘Bairaha’;
- Abu Bakar RA mewakafkan tanah di Mekah untuk keturunannya yang datang ke sana. Selain itu, beliau juga menginfakkan semua harta, darah, kerja keras dan waktunya dalam kerjaya Islam. Maka Allah SWT membalaunya dengan menjadikan sebahagian sahabat yang paling mulia dan paling agung setelah para Nabi dan Rasulullah SAW;
- Uthman bin Affan RA, beliau menggali perigi *Ruumah* untuk kepentingan kaum Muslimin, maka Allah SWT membalaunya dengan memberi minum air *Salsabil* di

syurga kelak. Beliau juga membekalkan kepada para pejuang Islam ketika perperangan Tabuk. Maka Rasulullah SAW berkata kepadanya: *"Uthman tidak akan kerugian untuk selamanya setelah beliau melakukan perbuatannya pada hari ini.* Uthman bin Affan RA juga mewakafkan hartanya di Khaibar”;

- Abdul Rahman bin Auf RA pula telah menginfakkan sebanyak tujuh ratus ekor unta dalam satu masa sahaja yang dilengkapi dengan kelengkapan untuk berjihad ke jalan Allah SWT;
- Ali bin Abi Talib RA mewakafkan tanahnya yang subur;
- Muaz bin Jabal RA pernah mewakafkan rumahnya yang terkenal dengan panggilan Dar al-Ansar; dan
- Begitulah juga dilaksanakan oleh Anas bin Malik, Abdullah bin Umar, Zubair bin Awwam, Aisyah R.Anha dan ramai lagi sahabat Rasulullah SAW.

Zaman Dinasti Umawi

Ia bermula dengan perlantikan Muawiyah secara rasmi sebagai khalifah pada tahun 40 hijrah dan berakhir pada tahun 132 hijrah. Wakaf pada zaman ini lebih meluas dan ramai yang melaksanakannya. Konsep wakaf juga telah diperlebarkan pada pembangunan masyarakat, ekonomi dan juga pendidikan. Hakim Mesir iaitu Taubah bin Ghar al-Hadrami telah membentuk Lembaga Wakaf. Begitu juga di Basrah dengan lebih sistematik diuruskan wakaf.

Zaman Dinasti Abasiyah

Zaman ini bermula pada tahun 132 hijrah dengan pemimpin yang pertama iaitu Abu Abbas al-Saffah dan berakhir pada tahun 656 hijrah selepas serangan tentera Mongol. Pada zaman tersebut lembaga wakaf dikenali sebagai *Sadr al-Wuquf* yang mana dilantik pekerja dan pengendali Lembaga Wakaf. Dengan sebab itu wakaf telah mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat dan rakyat kerana sistem yang baik.

Dinasti Ayubiyah

Bertapak di kota Mesir. Perkembangan wakaf zaman tersebut cukup menggembirakan di mana semua tanah pertanian kebanyakannya menjadi harta wakaf yang diurus tadbir

oleh penyelia dan menjadi milik negara atau Baitulmal. Zaman Salahudin al-Ayubi memerintah Mesir, beliau mewakafkan tanah milik negara dan diserahkan kepada Badan Keagamaan dan Sosial sebagaimana yang dilakukan oleh Dinasti Fatimiyah.

Begitulah perkembangannya amat menarik dari semasa ke semasa sehingga ke zaman kini.

Sebenarnya ramai umat Islam melakukan wakaf dari dahulu hingga sekarang sehingga dikatakan masjid Nabawi dibina dengan wakafan umat Islam. Antaranya Abu Bakar RA yang membeli tanah daripada dua orang anak yatim. Justeru, ulama menyatakan mana-mana umat Islam yang solat di Masjid Nabawi, maka pahala wakaf tersebut akan diperolehi Abu Bakar. Semoga Allah merahmatinya.

Menurut John L Esposito dalam Ensiklopedia Oxford: Dunia Islam Moden menyatakan: Idea wakaf sama tuanya dengan usia manusia. Beliau menyatakan wakaf yang pertama bangunan suci adalah Kaabah di Mekah.

Al-Azhar, masjid dan universiti terkemuka dunia dibina daripada harta wakaf. Begitu juga banyak masjid dibina melalui wang atau harta wakaf seperti di Syria, Maghribi, Libya dan negara Arab yang lain.

Mengikut maklumat penulis terlalu banyak masjid yang dibina pada masa dahulu di Malaysia melalui harta wakaf termasuk di surau dan perkuburan. Hal ini masih lagi subur pada mutakhir ini dengan perkembangan wakaf makin meningkat dari semasa ke semasa. Ini menandakan kesedaran ummah mula segar kembali.

BAB KEENAM

JENIS WAKAF DAN GALAKAN BERWAKAF

Terdapat beberapa bentuk wakaf yang boleh dilakukan seperti berikut:

- **Wakaf Am:** Iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan Islam semata-mata tanpa di tentukan sebarang tujuan khusus. Wakaf jenis ini amat digalakkan dalam Islam kerana wakaf ini ditujukan kepada umum atau orang ramai dan pahala terus diterima oleh wakil walaupun setelah ia meninggal dunia. Maka wakaf jenis ini amat sesuai sebagai salah satu sumber pembiayaan aktiviti-aktiviti pembangunan ummah, sama ada di dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain;
- **Wakaf Khas:** Iaitu mewakafkan harta bagi tujuan sesuatu kebajikan secara khusus seperti bagi tujuan pembinaan masjid, surau, kubur dan sebagainya. Wakaf ini tidak boleh digunakan bagi tujuan selain diniatkan;
- **Wakaf Musytarak:** Iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan secara bersama oleh beberapa orang. Contohnya wakaf tanah pertanian yang sebahagian hasilnya ditujukan kepada anak cucu, sementara sebahagian lagi untuk tujuan umum;
- **Wakaf Kaki:** Iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dengan cara pengurusan wakaf membeli keseluruhan harta dan pewakaf membayar harga mengikut sukaan tertentu yang dikehendakinya; dan
- **Wakaf Tunai:** Iaitu mewakafkan wang tunai. Ulama telah khilaf kepada dua pendapat:
 - Jumhur ulama, Syafie, Hanafi, Hanbali dan Maliki sepakat mengharuskan wakaf bagi harta boleh alih termasuk wang tunai.
 - Imam al-Zuhri seorang yang terkemuka dalam ilmu hadis berpendapat: Wakaf dalam bentuk dinar dan dirham bagi tujuan dakwah dan kebajikan masyarakat serta pembangunan ummah tidak dibolehkan.

Setelah meneliti pendapat kedua-duanya, penulis cenderung kepada pendapat jumhur ulama. Sementelahan lagi, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal ehwal Agama Islam Malaysia ke-77 yang bersidang di Terengganu (10-12 April 2007) memutuskan: Diharuskan melakukan wakaf wang tunai.

Fatwa ini banyak menyelesaikan kemelut wakaf tunai yang sentiasa menjadi polemik dan dengan sendirinya menyuburkan lagi galakan berwakaf.

Galakan Berinfak dan Berwakaf

Terdapat banyak ayat yang memuji perihal menafkahkan harta ini, antaranya:

Pertama: Daripada al-Quran

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"laitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka."

(Surah al-Baqarah: 3)

Al-Maraghi berkata: Perbuatan orang yang suka mendermakan sebahagian daripada hartanya kepada golongan miskin dan melarat hanyalah untuk mencari keredhaan Allah SWT semata-mata. Ini adalah untuk menyatakan kesyukuran di atas nikmat-Nya dan mereka ini dianggap sebagai orang bertakwa yang bersedia menerima pimpinan al-Quran. Ini disebabkan kebanyakan orang suka bersembahyang dan berpuasa, tetapi enggan mendermakan sebahagian hartanya kepada jalan Allah SWT.

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduakacita."

(Surah al-Baqarah: 262)

Di dalam **Fi Zilal al-Quran**, Sayid Qutub berkata: *"Oleh itu, apabila seorang hartawan memberi sedikit hartanya, maka sebenarnya ia memberi harta Allah dan apabila ia meminjamkan sesuatu kepada seseorang, maka sebenarnya ia adalah pinjaman kepada Allah yang akan membala dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Penerima yang susah dan miskin hanya alat dan sebab sahaja untuk membolehkan pemberi itu menerima ganjaran yang berlipat kali ganda dari infak yang telah diberikannya dari harta Allah itu."*

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanmu melipat gandakan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya, dan apa sahaja yang kamu dermakan, maka Allah akan mengantikannya, dan Dia lah jua sebaik-baik pemberi rezeki.”

(Surah Saba': 39)

Ibn Kathir berkata: Allah SWT kurniakan harta kepada siapa sahaja yang Dia suka dan tidak suka. Dia boleh memberi kefakiran kepada siapa yang dia mahu dan memberi kekayaan kepada siapa yang dikehendakinya. Yang demikian itu mempunyai hikmah yang sempurna dan hujah yang mendalam, sedangkan ramai di kalangan manusia tidak mengetahuinya.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut, dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

(Surah al-Furqan: 67)

Al-Sobuni dalam **Sofwah al-Tafsir** berkata: *Ayat ini merupakan sifat yang kelima daripada sifat hamba-hamba Allah dan maknanya ialah mereka sekali-kali tidak membazir dalam berinfak sama ada berkaitan dengan makanan, minuman dan pakaian. Begitu juga mereka tidak kedekut dan menyusahkan sehingga membawa kepada sifat bakhil.*

Allah SWT juga berfirman yang bermaksud:

“(Dan juga) orang-orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang-orang yang benar (perkataan dan hatinya), dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.”

(Surah ali-Imran: 17)

Al-Maraghi berkata: *“Golongan yang bertakwa adalah mereka yang memiliki sifat ini, manakala setiap sifat mempunyai satu tingkat kelebihan, kemuliaan dan ketinggian. Mereka yang mempunyai sifat-sifat di atas dapat memperolehi janji-janji berikut:*

- Sabar, jenis kesabaran yang paling sempurna ialah sabar melaksanakan kewajipan dan meninggalkan larangan kerana apabila nafsu sudah bermaharajalela, ia pasti akan mendorong melakukan maksiat. Jalan yang terbaik untuk mengatasinya adalah melalui sabar. Kesabarannya yang dapat meneguhkan iman dan mentaati ketentuan agama. Dialah penjaga dakwah kemuliaan manusia di dunia, menjelang timbulnya malapetaka, dan memelihara hak orang lain, sewaktu sifat tamak menyuruh merampasnya. Kesabaran merupakan syarat utama bagi melahirkan sifat-sifat seperti kejujuran, ketaatan dan bangun di tengah malam untuk beristighfar;
- Kejujuran merupakan sifat yang paling tinggi;
- Taat, sentiasa tunduk dan merendah diri kepada Allah SWT diiringi dengan perasaan takut dan khusyuk. Ketaatan seperti ini merupakan inti dan jiwa ibadah. Sebaliknya, ibadah yang dilakukan tanpa rasa taat diibaratkan seperti pohon tanpa buah;
- Menderma semua harta kekayaan pada jalan yang digalakkan oleh agama, sama ada yang berbentuk derma wajib atau sunat, seperti mengeluarkan derma pada kegiatan kebajikan yang dibenarkan oleh syariat dan yang dianjurkannya; dan
- Beristighfar menjelang pagi, iaitu sembahyang tahajud pada akhir malam, ketika orang lain sedang nyenyak tidur dan sukar untuk bangun. Ini kerana jiwa akan menjadi lebih bersih dan hati pula terlepas daripada sebarang kesibukan”.

Sesungguhnya para sahabat R.Anhum sangat bersemangat untuk berinfak dan menafkahkan harta mereka sebanyak-banyaknya, antaranya ialah Abu Bakar al-Siddiq, Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain. Semoga Allah SWT meredhai mereka semua.

Kedua: Daripada al-Sunnah

Antaranya:

- Daripada Abi Malik al-Harith bin ‘Asim al-Asy’ari RA, katanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sedekah itu sebagai bukti.”

Riwayat Muslim

Ibn Rajab al-Hanbali berkata: Sedekah adalah bukti bermaksud sinaran cahaya yang hampir dengan permukaan matahari. Ini kerana hujah yang muktamad dinamakan sebagai burhan kerana kejelasannya dalam menunjukkan maksud.

- Daripada Abdullah bin Muawiyah al-Ghadiri RA, katanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tiga perkara barangsiapa yang melakukannya, maka dapat merasakan rasa keimanan: Siapa yang menyembah Allah Yang Maha Esa dan sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah, menunaikan zakat hartanya yang disukai olehnya dan yang telah ditetapkan kadar ke atasnya pada setiap tahun.”

Riwayat Abu Daud

Al-Rafdi adalah pertolongan dan bantuan. Adapun sebab demikian, justeru harta itu amat disukai oleh jiwa dan menjadikannya bakhil dengan harta itu. Apabila ia bermurah hati mengeluarkan semata-mata kerana Allah SWT, maka ia menjadi petunjuk kepada kesahihan imannya dan *tasdiqnya* (kepercayaannya) terhadap janji dan ancaman Allah SWT.

Tiga Golongan Manusia dalam Berinfak

Para ulama membahagikan manusia kepada tiga golongan dalam isu berinfak atau sedekah.

Pertama: Orang yang berinfak kerana riyak (ingin dilihat dan menunjuk-nunjuk kepada orang lain) dan *sum’ah* (ingin didengari bahawa dia seorang yang dermawan), maka

di akhirat kelak, dia tidak akan mendapat pahala dan keuntungan, bahkan dia akan termasuk orang yang pertama kali dimasukkan dan dibakar dengan api neraka.

Kedua: Orang yang berinfak kerana malu, maka dia akan perolehi pahala dan ganjaran, dan biasanya sikap seperti ini adalah sikap kebanyakan orang dan sudah menjadi suatu kebiasaan.

Ketiga: Orang yang berinfak kerana sebuah misi, kerana niat dan keikhlasan, maka golongan ini adalah golongan yang memperolehi pahala dan yang betul-betul menjadi hamba Allah SWT.

BAB KETUJUH

JENIS WAKAF DAN GALAKAN BERWAKAF

Terdapat dua istilah yang perlu difahami dalam proses *istibdal mauquf* iaitu istilah *ibdal* dan *istibdal*. Istilah *ibdal* bermaksud mengeluar atau menukar sesuatu *mauquf* (daripada konsep asalnya yang tidak boleh dijual, *dihibah* atau diwarisi) dengan menjual harta itu.

Istilah *istibdal* bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai *mauquf* bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Harta ini dikenali sebagai harta badal atau *amwal al-badal*.

Istibdal juga bermaksud menjual apa yang kurang atau telah hilang hasil atau pendapatan daripada *mauquf* dan membeli apa yang lebih baik daripadanya serta menjadikannya sebagai ganti.

Dalam status wakaf Negeri Selangor (1999), Negeri Sembilan (2004) dan Negeri Melaka (2005) memperuntukkan bahawa: Istibdal bermaksud menggantikan sesuatu *mauquf* dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak.

Matlamat Istibdal

Istibdal mauquf mempunyai matlamat dan objektif tertentu, antaranya:

- Mengekalkan *mauquf* umat Islam supaya manfaat dan kegunaannya dapat dinikmati secara berterusan;
- Menjamin pembangunan *mauquf* mengikut arus pembangunan dan perkembangan ekonomi semasa negara;
- Menjaga dan memelihara niat pewakaf bagi mendapat ganjaran secara berkekalan sebagai sedekah jariah;
- Mengelak pembekuan *mauquf* yang tidak ekonomik dan menjadi terbiar; dan
- Meningkatkan hasil dan pendapatan dana wakaf negeri-negeri untuk pembangunan ummah.

Hikmah *Istibdal*

Antara hikmah istibdal ialah:

- Dapat memanfaatkan *mauquf* kepada umat Islam secara lebih menyeluruh;
- Dapat menjamin ganjaran pahala kepada pewakaf semasa hidup dan selepas kematian secara berterusan;
- Memperkembangkan *mauquf* umat Islam selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara;
- Memperbanyak hasil *mauquf* umat Islam dan mengelakkan *mauquf* menjadi terbiar dan tiada manfaatnya; dan
- Menyuburkan *mauquf* supaya lebih produktif dan dapat menjana pendapatan yang tinggi selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Hukum Wakaf *Istibdal*

Fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza mengenai *istibdal mauquf* sama ada ia melibatkan wakaf masjid, wakaf tanah atau harta alih dan sebagainya.

Ada pendapat yang mengharuskan *istibdal* dan ada pendapat yang mengharamkan istibdal kecuali ketika darurat berdasarkan kaedah *al-Darurat tubih al-Mahzurat*, maka mereka mengharuskan *istibdal mauquf* untuk kepentingan umum.

Mazhab Hanafi

Konsep *istibdal* diterima dalam mazhab Hanafi dan mereka memberi ruang yang luas untuk melaksanakan *istibdal* terhadap sesuatu *mauquf*, di samping memelihara kelangsungan wakaf dan tujuan wakaf itu dibuat oleh pewakaf. Namun, ruang untuk istibdal itu hanya melibatkan *mauquf* yang selain daripada masjid.

Bagi mazhab Hanafi, pelaksanaan *istibdal* terhadap wakaf yang mengalami kerosakan atau tidak lagi digunakan adalah tidak diharuskan dalam apa jua keadaan

sama ada dijual atau diganti dengan hartanah yang lain. Menurut Abu Yusuf, masjid tidak boleh dilibatkan dengan *istibdal* sekiranya berlaku kerosakan dan ianya kekal sebagai *mauquf*. Pandangan ini juga merupakan pendapat Imam Abu Hanifah. Semua peralatan masjid tidak boleh dijual melainkan setelah mendapat arahan daripada kadi dan hasilnya digunakan untuk masjid lain.

Mazhab Syafie

Bagi ulama mazhab Syafie, pelaksanaan *istibdal* ke atas *mauquf* adalah terbatas, terutamanya larangan terhadap istibdal wakaf masjid. Pendapat mazhab Syafie hampir sama dengan pandangan mazhab Maliki yang melarang penjualan wakaf masjid sekiranya berlaku kerosakan atau runtuhan.

Namun begitu, ada pandangan yang mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap wakaf masjid jika dikhuatiri akan roboh. Tetapi ianya hendaklah mendapat kebenaran daripada qadi terlebih dahulu. Kebenaran qadi membolehkan istibdal dilakukan dan hendaklah dibina sebuah masjid lain sebagai ganti. Pembinaan masjid itu hendaklah dibuat berdekatan dengan kawasan masjid yang telah dirobohkan.

Bagi *mauquf* yang terdiri daripada harta tidak alih, sebahagian ulama Syafie melarang pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tersebut. Manakala sebahagian ulama lain mengharuskan istibdal dilakukan apabila mauquf itu tidak lagi mendatangkan manfaat.

Bagi *mauquf* yang terdiri daripada harta alih yang tidak mendatangkan manfaat, sebahagian ulama Syafie tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap harta itu dan pandangan sebahagian yang lain mengharuskan *istibdal*, sama ada menjual atau menggantikan harta tersebut.

Mazhab Hanbali

Pandangan ulama mazhab Hanbali terhadap pelaksanaan sesuatu *istibdal* merupakan pandangan yang agak terbuka berbanding dengan mazhab lain. Dalam istibdal yang melibatkan sebuah masjid, ia adalah diharuskan jika tidak menepati tujuan wakaf sesebuah masjid didirikan seperti keluasan sebuah masjid tidak dapat menampung jumlah jemaah yang ramai dan keluasannya tidak boleh ditambah atau masjid tersebut tidak digunakan lagi oleh penduduk. Apabila sebuah wakaf masjid itu dijual, maka nilainya hendaklah digunakan kepada masjid lain yang memerlukan.

Amalan ini berdasarkan kepada amalan *istibdal* yang dibuat oleh Umar al-Khattab terhadap sebuah masjid di Kufah, sedangkan masjid tersebut masih digunakan oleh penduduk Kufah dan dijadikan sebagai pasar bagi penduduk setempat. Pengharusan *istibdal* dalam mazhab Hanbali ini boleh dibahagikan kepada dua keadaan yang dinyatakan oleh Ibn Taimiah:

- *Istibdal* dilakukan kerana sesuatu keperluan
- *Istibdal* dilakukan kerana tuntutan maslahah yang jelas

Apabila *istibdal* boleh dilaksanakan terhadap sesuatu *mauquf*, maka harga jualannya akan digunakan untuk membeli harta lain bagi menggantikan harta pertama yang diwakafkan.

Bagi mazhab Hanbali, harta yang diganti tidak disyaratkan daripada jenis harta yang sama. Ini kerana penggantian harta yang dibuat diambil kira dari sudut pendapatan dan hasil, tetapi bukan pada jenis harta.

Mazhab Maliki

Kebanyakan ulama dalam mazhab Maliki tidak mengharuskan istibdal terhadap *mauquf* yang terdiri daripada harta tak alih sekalipun ia tidak mendatangkan manfaat. Terdapat sebahagian daripada mazhab Maliki yang mengharuskan *istibdal* harta tidak alih tersebut yang tidak memberi manfaat kepada penerima atau pemegang amanah wakaf. Akan tetapi disyaratkan harta tersebut ditukar dengan jenis harta yang sama.

Bagi Imam Malik, pelaksanaan istibdal ke atas harta tidak alih tidak diharuskan sama sekali melainkan sekiranya terdapat *maslahah* yang memerlukan *istibdal* dilakukan atau ianya untuk kepentingan awam seperti meluaskan masjid, kawasan perkuburan, jalan raya dan sebagainya, atau *mauquf* tersebut diambil secara paksa oleh pihak berkuasa awam atau nazir. Dalam perkara melibatkan wakaf masjid, ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa istibdal tidak harus dilaksanakan sekalipun berlaku kerosakan atau kemusnahan.

- **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-4** yang bersidang pada 13 April 1982 telah memutuskan bahawa:

“Wakaf ganti (wakaf ibdal) ialah bermaksud menukar mauqif dengan harta yang lain melalui jualan atau belian dan sebagainya bagi tujuan mengekalkan mauqif adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah.”

- **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-41** yang bersidang pada 4 November 1996 membuat keputusan bahawa *wakaf istibdal merupakan perkara yang amat baik dan perlu diamalkan memandangkan pembangunan sedang berjalan dengan pesat, sedangkan tanah wakaf, tapak masjid lama terbiar dengan begitu sahaja dan menyulitkan pihak berkuasa.*
- **Di Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dalam mesyuarat kali ke-35** yang bersidang pada 19 November 1993 telah bersetuju mengharuskan *wakaf istibdal iaitu memindahkan tanah wakaf dari satu tempat ke tempat yang lain yang lebih bermanfaat, tetapi perlu mencari nilai tanah yang sama atau lebih.*
- **Di Melaka, Mufti Negeri Melaka** bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka telah mengeluarkan fatwa berikut: *“Jika tanah wakaf diambil balik oleh PBN kerana apa jua sebab, maka pampasan wajiblah dibayar baginya dan wang pampasan itu hendaklah terletak hak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam, supaya diganti tanah lain sebagai mengekalkan wakaf dan menunaikan kehendak yang berwakaf.”*
- **Di Kelantan, Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan** yang berlangsung pada 5 Ogos 1995 mengemukakan fatwa berkenaan dengan istibdal. *“Jemaah ulama telah memutuskan bahawa penggantian atau penjualan mauqif boleh dilaksanakan ke atas tanah-tanah wakaf dalam situasi yang diperlukan dan untuk kepentingan awam termasuklah harta mauqif yang tidak mempunyai hasil yang cukup bagi menampung kos penyelenggaraan.”*

Keputusan tersebut merujuk kepada pandangan Ibn Taimiah dan ianya juga turut merujuk kitab karangan Dr. Abdul Salam Madkur yang berjudul *Usrah fi al-Islam* yang menyatakan bahawa keharusan penjualan dan penggantian mauqif adalah bertepatan dengan pandangan fikah yang memberi kuasa penuh kepada kadi mahkamah. Selain itu, jika ia

melibatkan wakaf khas, keizinan penerima wakaf perlu diperolehi terlebih dahulu.

Berdasarkan kepada pandangan para fuqaha dan fatwa yang telah dikeluarkan, ini menunjukkan bahawa *istibdal* boleh dilaksanakan berasaskan keperluan semasa yang berkaitan dengan tanah wakaf di Malaysia. Bagaimanapun sebelum sesuatu *istibdal* dilaksanakan, perkara ini hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada jawatankuasa fatwa negeri masing-masing.

Syarat-syarat Istibdal

Terdapat beberapa syarat yang wajib dipatuhi dalam melaksanakan istibdal terhadap mauquf, sama ada berkaitan dengan *mauquf asal* yang akan diiistibdalkan atau harta yang akan dijadikan gantiannya. Bagi harta kategori pertama (*mauquf asal*), ia hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- Harta itu tiada lagi manfaatnya;
- Harta itu mengalami kerosakan dan kemusnahan akibat bencana alam dan tidak boleh digunakan lagi;
- Harta itu tidak lagi menepati matlamat dan tujuan sesuatu wakaf itu dibuat;
- Kewujudan *mauquf* itu boleh membebankan penerima wakaf dan pemegang amanah wakaf;
- Harta itu tidak dapat memenuhi tujuan asal pewakaf seperti keluasannya terhad dan terbatas;
- Terdapat maslahah untuk di*istibdal*kan atau dapat memenuhi kepentingan awam; dan
- Harta itu dikhuatiri akan mengalami kerosakan dan kemusnahan yang akan menyebabkan hilang manfaat *mauquf* itu.

Bagi kategori kedua, iaitu harta yang akan dijadikan gantian sebagai *mauquf (amwal al-badal)*, ia tertakluk kepada beberapa syarat berikut:

- Harta gantian sebagai mauquf itu adalah lebih baik daripada *mauquf* yang asal;
- Harta gantian itu hendaklah terdiri daripada jenis harta yang sama atau lebih baik sama ada harta alih atau harta tak alih;
- Harta gantian itu ditukarkan dengan aset kekal, bukannya dalam bentuk wang tunai kerana dikhuatiri akan berlaku penyelewengan; dan
- Harta gantian boleh mendatangkan manfaat bagi satu tempoh masa yang panjang.

Keperluan Istibdal

Istibdal mauquf adalah menjadi satu keperluan bagi Majlis Agama Islam Negeri-negeri terutamanya untuk membangunkan *mauquf* orang-orang Islam di mana Majlis Agama sebagai Pemegang Amanah Tunggalnya. Keperluan *istibdal mauquf* akan berlaku dalam beberapa keadaan berikut:

- Keluasan *mauquf* yang sempit dan sukar untuk dibangunkan;
- *Mauquf* yang terbiar dan tidak dapat dibangunkan untuk kepentingan umat Islam;
- Kedudukan dan lokasi *mauquf* yang berjauhan dan tidak sesuai untuk dibangunkan;
- Hasil dan manfaat yang tidak boleh menepati matlamat dan tujuan pewakaf;
- Kegunaan *mauquf* tidak lagi mendatangkan manfaat;
- *Mauquf* yang terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh mana-mana pihak berkuasa awam melalui Akta Pengambilan Tanah 1960; dan
- *Mauquf* yang terlibat dengan penyerahan kepada pihak berkuasa negeri bertujuan menukar hak/syarat nyata/status penggunaan tanah seperti jalan atau kawasan lapang.

Berhubung *istibdal* ini, pihak-pihak yang bertanggungjawab memegang wakaf mestilah berhati-hati dalam pengurusan tukar ganti ini kerana berkemungkinan berlakunya salah *tasaruf* (tindakan/tingkah laku) yang menyebabkan wakaf yang ditukar ganti itu tidak menepati kehendak yang ditentukan oleh syarak.

Sekiranya ada pihak yang telah melakukan istibdal ke atas wakaf, tetapi bertentangan dengan kehendak syarak, maka hendaklah diperbetulkan dengan segera bagi mendapatkan keredaan Allah SWT.

BAB KELAPAN

PELBAGAI PERMASALAHAN HUKUM

Dinyatakan di sini pelbagai hukum berkenaan dengan wakaf untuk menambahkan lagi kefahaman dengan lebih baik. Antaranya:

- Mewakafkan *kitab makhtutat* (manuskrip-manuskrip lama). Dalam majalah *al-Auqaf* penyelidik, Ahmad Salim Ghani menyebut hukum keharusan wakaf dalam bentuk ini. Justeru amat sesuai bagi para ulama dan cendekiawan Islam yang mempunyai khazanah buku dengan skala yang besar agar mewakafkan kepada perpustakaan Islam untuk dirujuk oleh para mahasiswa dan pelajar;
- Mewakafkan kepada institusi pembelajaran. Dalam majalah *al-Auqaf*, penyelidik Dr. Hassan Muhammad al-Rifaie berpendapat keharusan untuk wakaf seperti ini sekalipun dalam bidang teknologi. Ini bertujuan menaikkan kehebatan institusi pengajian tinggi di negeri umat Islam;
- Mewakafkan gaji guru-guru. Kajian yang sama dibuat oleh Dr. Hassan yang menunjukkan berlaku dalam Islam mewakafkan untuk pembayaran gaji dan juga kerusi ilmiah. Antara yang mengharuskannya juga ialah Syeikh al-Wansyariyy Abu Ar-Robik Sulaiman Al-Farisi, Syeikh Muhammad al-Muafiri dan ramai lagi. Ini terbukti bahawa perlaksanaan wakaf untuk penggajian pensyarah di Universiti Yarmouk, Jordan telah dilaksanakan;
- Pembelian kitab dan buku-buku kemudian diwakafkannya. Ini antara yang banyak tersebar di perpustakaan wakaf. Ini termasuk kuliah Imam al-Auziae;
- Wakaf terhadap orang kafir harbi dan murtad tidak sah dan batil tanpa khilaf dikalangan ulama. Ini kerana wakaf bersifat dan bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sedangkan kufur dan riddah merupakan penentangan kepada Allah SWT. Inilah yang diputuskan dalam *al-Mabsut* 10/189, *Raddu al-Mukhtar* 4/341 *al-Muhazzab* 1/441 dan lain-lain;
- Mewakafkan kepada pelajar ilmu. Hal ini telah diharuskan oleh fuqaha dan menganggap termasuk dalam perkara kebaikan. Inilah yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin*;

- Hukum bertanam pada tanah wakaf. Mengikut kajian Dr. Jumaat Mahmud al-Zuraiqi berpendapat bahawa mazhab Maliki sahaja yang mengharuskan akad untuk pertanian dengan syarat yang tertentu bagi tanah wakaf. Sedangkan jumhur ulama tidak membenarkannya. Dalam *al-Mi'yar al-Mu'rib* menukilkhan bahawa keharusan untuk bercucuk tanam mengikut pendapat sebahagian ulama Maliki;
- Wakaf bahagian atas masjid tanpa dibawahnya atau sebaliknya. Mengikut kajian Dr. Abdullah bin Muhammad Nuri al-Dirsyawi menyebut khilaf dikalangan ulama dimana jumhur ulama termasuk mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali serta satu riwayat daripada dua rakan Abu Hanifah tentang keharusannya. Sedangkan mazhab Hanafi dan Ibn Hazmin tidak membenarkannya;
- Barang lebihan wakaf. Contohnya, untuk dibina masjid kemudian ada lebihan seperti pasir, simen, batu dan lain-lain. Bagaiman cara penyelesaiannya? Sayid Sabiq dalam *Fiqhu Sunnah* menukilkhan pendapat Ibn Taimiyyah di mana barang lebihan hendaklah digunakan untuk masjid yang lain pula. Ini kerana pewakaf bermatlamatkan pembinaan jenis masjid. Justeru mana-mana masjid dianggap jenis yang sama;
- Habisnya tempoh wakaf. Dalam *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah* antara tanda habisnya tempoh wakaf dan kembali kepada tuan asal sama ada dengan sebab rosak harta wakaf dan tidak boleh digunakan lagi bagi manfaatnya. Inilah pendapat sebahagian fuqaha Hanafi; dan
- Upah kepada penyelia wakaf. Mengikut fuqaha bahawa penyelia wakaf berhak mendapat upah mengikut bidang tugas yang diberikannya. Ini berdasarkan kenyataan saidina Umar al-Khattab berkenaan tanah wakaf Khaibar. Al-Hafiz Ibn Hajar berkata hadith Abu Hurairah menunjukkan bahawa disyariatkan upah penyelia wakaf ataupun pengendali tanah wakaf.

PENUTUP

Dr. Yusuf al-Qaradhwai dalam karyanya *“Agar Berjaya Muassasah Zakat dalam Penerapan Masa Kini”* dalam ucapannya bertajuk: Peraturan Islam Menambah Produksi dan Mengurangi Bilangan Kefakiran.

“Sesungguhnya tabiat peraturan Islam mewajibkan pertambahan produksi pada umat dan memelihara kejayaannya dari dibelanjakan dan dihabiskan pada perkara yang tidak bermanfaat. Islam memelihara kekuatan dan kekayaannya, serta usaha-usaha umatnya yang digunakan untuk membeli arak dan bahan-bahan yang memabukkan, dalam permainan dan gurau senda, menghabiskan masa dengan perkara yang haram dan keji, sama ada zahir maupun batin.

Sesungguhnya kekuatan dan harta benda yang dihabiskan dalam perkara yang tidak mendatangkan faedah dan kerosakan di sisi sebahagian bangsa, dipelihara oleh Islam dengan undang-undangnya yang lazim, wasiat-wasiatnya yang diberi petunjuk, pendidikannya yang mendalam dan dibekalkan dengan kekuatan untuk melangkah kepada amalan dan pengembangan.

Sesungguhnya umat yang menyambut siang di waktu pagi dengan berwuduk dan bersolat, jiwnya bersih dan aktif, akhlaknya lurus, produksinya sudah pasti ia akan mengatasi kebanyakan dalam perbuatan keji dan dosa, atau perkara yang tidak mendatangkan faedah, apabila pagi dia tidak bangun dari tidurnya melainkan terpaksa, dan pergi ke tempat kerjanya dengan jiwa yang malas dan lemah kekuatan.

Tabiat peraturan Islam jika diterapkan seluruh aspeknya dapat menambah kekayaan masyarakat, dan mengurangkan kadar pengangguran serta bilangan kefakiran. Setiap kali berkurang bilangan kefakiran pada umat dan bertambah kekayaannya, dan orang-orang kayanya berlitzam dengan jalan yang lurus dalam mengeluarkan nafkah, maka masalah kefakiran dan orang-orang kafir padanya mudah diselesaikan, bahkan masalah ini hampir muncul sama sekali, dan tidak menimbulkan bahaya yang mengancam masyarakat, sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat feudal dan kapitalis, yang mana kekayaan padanya dibinasakan dan dihancurkan dengan hak dan tanpa hak, lalu peraturan zalim ini melahirkan peraturan yang lebih zalim.”

Beliau juga menambah berkenaan dengan peraturan Islam menyeluruh dan tidak berbelah bahagi, katanya: “*Mengumpulkan penghasilan yang sedikit tidak cukup untuk menghadapi kefakiran yang tersebar dan masalah sosial yang lahir di belakangnya. Kelemahan penghasilan ini kembali kepada beberapa sebab, antaranya:*

- *Lemahnya semangat beragama dan kesedaran terhadap Islam disisi kebanyakan manusia. Natijah daripada perang pemikiran asing yang kafir. Berdasarkan hal itu, manusia mlarikan diri dan membayar zakat kepada Negara, kerana banyaknya bebanan mereka daripada cukai-cukai lain, dan tiada kepercayaan mereka terhadap negara yang memungut zakat kerana tidak menjalankan hukum Allah SWT;*
- *Majoriti penduduk di negeri itu tidak memiliki kekayaan dan tidak mempunyai penghasilan yang tiada nilai untuk dijadikan sumber zakat. Ianya adalah kesan daripada cara hidup yang dialami golongan Islam pada masa kini, iaitu orang kafir asing yang diikuti umat Islam sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga jika mereka masuk ke lubang biawak, nescaya umat Islam akan turut bersamanya, iaitu cara hidup yang mewah, di mana bahan-bahannya diimport dari negara asing;*
- *Penghasilan yang sedikit ini akan dibelanjakan sebahagian daripadanya untuk kegunaan pejabat, peralatan dan para pegawai yang dikhaskan bagi pekerjaan ini, natijah kesusahan pentadbiran dan tugas, dan menitik beratkan penampilan yang menelan harta itu sebelum sampai kepada orang fakir;*
- *Ketika pembahagian, berlaku keguncangan dan kekacauan dan diharapkan kebanyakan orang-orang yang berhak serta mengambil kebanyakan orang-orang yang tidak berhak menerima zakat. Ini kerana lemahnya pendidikan, pudarnya iman dan hati yang berpenyakit, sama ada di sisi orang yang menjalankan usrusan zakat itu atau di sisi rakyat; dan*
- *Akhirnya, natijah zakat dengan sendirinya tidak mampu menutup keperluan golongan fakir miskin, dan kebencian umum untuk mengeluarkan zakat. Ini menyebabkan keraguan terhadap peraturan Islam keseluruhannya.”*

Dengan contoh ini, jelaslah bagi kita bahawa kemasukan peraturan asing pada masa kini dalam sebahagian dari pengajaran-pengajaran Islam dan hukumnya, tidak menyelesaikan masalah, dan tidak merawat penyakit dengan rawatan sempurna.

Seterusnya dikemukakan langkah untuk mengemaskinikan institusi wakaf di Malaysia. Oleh kerana institusi wakaf di Malaysia ini dikendali oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing, harta-harta yang telah diwakafkan perlu kepada usaha yang berkesan untuk dibangunkan dengan kadar yang segera.

Dalam konteks untuk meningkatkan keberkesanannya institusi amanah wakaf di Malaysia khususnya Majlis Agama Islam Negeri, beberapa langkah perlu diambil, antaranya:

- Setiap Majlis Agama Islam Negeri perlu membentuk satu jabatan penting untuk merancang, mengurus dan mentadbir harta wakaf. Majlis Agama Islam Negeri perlu bersikap optimis bahawa ruang untuk institusi wakaf berperanan secara besar-besaran sangat berkemungkinan dalam keadaan ekonomi negara berada dalam tahap yang tinggi. Tambahan lagi apabila peningkatan kefahaman tentang pentingnya amanah wakaf di kalangan umat Islam, jumlah harta yang akan diwakafkan akan meningkat;
- Ketua Pegawai yang ditugaskan perlu untuk merancang, mengurus dan mentadbir harta wakaf perlu dilantik dari mereka yang mempunyai pendidikan dan pengalaman yang relevan dengan tugas untuk membangunkan harta wakaf. Jabatan wakaf setiap Majlis Agama Islam Negeri perlu juga mempunyai bilangan dan latar belakang pendidikan pegawai yang tepat dan cukup;
- Majlis Agama Islam Negeri perlu melantik jawatankuasa penasihat institusi wakaf dari ahli-ahli yang berkebolehan dalam bidang membangun harta wakaf untuk membimbing dan memandu pembangunan harta wakaf. Melalui badan penasihat ini, harta wakaf yang terkumpul mampu dibangun dengan pesat, berkesan dan tepat;
- Bank data tentang jenis harta wakaf di Majlis Agama Islam Negeri perlu dilaporkan dalam bentuk yang mudah untuk dikaji dan dianalisis dari aspek prestasi kegiatan ekonomi. Melalui bentuk laporan tersebut, ia akan memungkinkan kajian tahunan prestasi dapat dilaksana dan mampu memberi indeks prestasi kejayaan tahunan dalam membangunkan harta wakaf;
- Laporan tahunan kedudukan harta wakaf perlu disedia, dilapor dan dicetak sebagai laporan rasmi tentang prestasi tahunan untuk pihak masyarakat mengetahui tentang perkembangan harta wakaf di setiap negeri. Hasil prestasi yang baik akan membina keyakinan masyarakat untuk menyertai harta mereka selanjutnya dalam wakaf; dan
- Di peringkat kebangsaan, satu konsortium yang dianggotai oleh institusi pemangkin seperti Lembaga Tabung Haji, Bank Islam dan institusi korporat milik orang Islam perlu bergabung tenaga untuk membangunkan harta wakaf umat Islam secara meluas dan besar-besaran dengan produktif. Semoga ia mampu mempengaruhi sumbangan masyarakat Islam dalam mempertingkatkan ekonomi negara.

BIBLIOGRAFI

- Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi. 1992. *Al-Nukat wa al-Uyun. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.*
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. 2001. *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Ali Bin Muhammad Bin Ali al-Jurjani. 1992. *At-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Dr. Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. 2005. *Tafsir Ibn Kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Syafie.
- Dr. Mustafa al-Bugha. 2007. *Al-Wafi Syarah Hadith 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers
- Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha & Dr. Ali al-Syurbaji. 2003. *Kitab al-Fiqh al-Manhajii* (Pembahagian Harta Pusaka). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Dr. Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Al-Amwal Allati Yashihu Waqfuha wa Khaifiah Sorfuha*. Damsyiq: Dar al-Martabi.
- Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 2004. *Agar Berjaya Muassasah Zakat dalam Penerapan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 2006. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait.
- Lajnah Ulama, 2006. *Majalah Auqaf*. Siri kesepuluh. Kuwait.
- Lajnah Ulama, 2006. *Majalah Auqaf*. Siri kesebelas. Kuwait.
- Lajnah Ulama, 2007. *Majalah Auqaf*. Siri kedua belas. Kuwait.
- Ibn Manzur, 2003. *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Sa'di Abu Jaib, 1988. *Al-Qamus al-Fiqhiyyah Lughatan wa Istilahan*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Sayid Sabiq, 2003. *Fiqhu Al-Sunnah*. Beirut: Dar Al-Fikir
- Sayid Qutub, 2000. *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Wahbah Al-Zuhaili, 2010. *Al-Fiqh As-Syafie al-Muyassar* (Terjemahan). Malmahira.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri & Khairul Anuar bin Mohamad, 2007. *Harta Waqaf di Negeri Terengganu*: Pengurusan dan Cara Menambah Nilai Asetnya.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2011. Wakaf dan Permasalahan. Kuala Terengganu : *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu*.